

**Muhyiddin Terima Kunjungan Hormat CEO HSBC Asia-Pasifik
Bernama
20 Ogos, 2013**

PUTRAJAYA, 20 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini menerima kunjungan hormat Ketua Eksekutif HSBC Asia Pasifik dan Pengerusi HSBC Bank Malaysia Bhd Peter Wong, di pejabat beliau, di Kompleks Perdana Putra di sini.

Muhyiddin dan Wong mengadakan perbincangan selama 45 minit.

Turut hadir Timbalan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif HSBC Bank Malaysia Bhd Mukhtar Hussain dan penasihatnya, Datuk Richard Lee.

Kumpulan HSBC ialah sebuah daripada organisasi perbankan dan perkhidmatan kewangan terbesar di dunia.

Ia mempunyai 6,600 pejabat di 80 negara dan wilayah.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=971330>